



MAKLUMAT PENTING SESI TEMUDUGA

JANAKERJA MALAYSIA

Platform Kerjaya Teknikal Industri Berimpak Tinggi

Ini adalah panduan rasmi untuk calon sesi temuduga. Dokumen ini menerangkan langkah, keperluan dokumen, etika kehadiran dan proses penempatan kerja bersama wakil industri.

Sila baca dan fahami sebelum hadir.

KELAYAKAN ASAS CALON


- Warganegara Malaysia
- Umur 18–35 tahun
- Sihat tubuh badan
- Tiada rekod jenayah & bebas dadah
- Lelaki, sanggup kerja fizikal & berisiko



PROSES CALON TANPA PENGALAMAN

- Hanya calon yang telah melepasi saringan awal sahaja dibenarkan menghadiri sesi temuduga.
- Calon akan diberi taklimat terperinci mengenai laluan kerjaya, tangga gaji dan proses dokumen kompetensi yang diperlukan oleh pihak industri sebelum sesi temuduga.
- Hanya calon yang lulus dan diterima industri sahaja perlu melengkapkan proses pra-pendaftaran dan serahan dokumen.
- Sebahagian daripada proses ini memerlukan calon **melengkapkan pembayaran pra-pendaftaran RM600 bagi tujuan pendaftaran latihan kompetensi, Kad Hijau CIDB dan Oil and Gas Safety Passport (OGSP)** mengikut keperluan rasmi dan standard pekerja industri minyak dan gas.
- Sokongan Latihan dan bantuan berbentuk geran atau subsidi khas akan diberi keutamaan kepada calon yang tiada pengalaman dalam industri minyak dan gas.

CONTOH KAD CIDB & OGSP



DOKUMENT WAJIB DIBAWA

- Resume terkini (jika ada)
- Salinan kad pengenalan
- Salinan sijil akademik tertinggi (jika ada)
- Pastikan semua dokumen lengkap untuk memudahkan semakan semasa temuduga

ETIKA & MASA KEHADIRAN

- Hadir sekurang-kurangnya 30 minit lebih awal daripada masa ditetapkan
- Berpakaian kemas, sopan dan berkasut (tidak mematuhi boleh ditolak)
- Kelewatan tanpa makluman akan menyebabkan nama dikeluarkan dan peluang temuduga dibatalkan

KEHADIRAN WARIS / PENJAGA

- Digalakkan hadir bersama waris/penjaga untuk tujuan pengesahan.
- Boleh hantar wakil jika tidak dapat hadir.

PROSES TEMUDUGA & TAWARAN INDUSTRI

- Sesi temuduga dijalankan bersama panel JanaKerja & wakil industri
- Penilaian berdasarkan kelayakan asas, disiplin & komitmen
- Calon berjaya akan menerima surat tawaran pra-penempatan & surat pengesahan industri (selepas dokumen lengkap)
- Semua tawaran dan proses adalah telus, rasmi & mengikut standard industri

BANTUAN & SOKONGAN

- Semua bantuan & laluan kerjaya dirujuk terus kepada pegawai semasa temuduga.
- Fleksibel ikut kesediaan & kemampuan calon.
- Fokus bantu calon serius bina kerjaya profesional dalam industri.

SYRIKAT KERJASAMA




Memorandum bersama FIRM Synergy

Pada Disember 2025, JanaKerja Malaysia telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama **FIRM Synergy** sebagai langkah strategik memperkukuhkan laluan kerjaya dalam industri Oil & Gas. Kerjasama ini membuka lebih banyak peluang kepada calon untuk melalui proses saringan, latihan dan penempatan kerja mengikut keperluan sebenar industri.

Memorandum bersama Blitz Training & Consultancy

Kerjasama ini memberi peluang kepada calon untuk melalui proses saringan, latihan kompetensi serta penempatan kerja yang selari dengan keperluan industri semasa. Calon juga akan **dibimbing dari peringkat awal sehingga memenuhi standard dan keperluan kerja sebenar**, khususnya bagi mereka yang ingin membina kerjaya tanpa pengalaman dalam sektor Oil & Gas.



MEDIA PRESS CONFERENCE



Liputan media rasmi bersama rakan media seperti Budiey, **Sinar Plus**, **Seismik**, **Utusan TV & Kosmo** bagi memperluaskan kesedaran mengenai peluang kerjaya dalam industri Oil & Gas serta inisiatif pembangunan belia oleh JanaKerja Malaysia.

Sesi ini memberi pendedahan kepada orang ramai tentang laluan kerjaya, peluang latihan, serta kerjasama strategik bersama pihak industri dalam membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

SUCCESS STORIES



Shahrul, 19 tahun, berasal dari Machang, Kelantan. Sebelum ini, beliau bekerja dalam pelbagai bidang tanpa hala tuju yang jelas — pekerjaan terakhirnya adalah sebagai anggota **RELA**.

Pada tahun 2025, Shahrul menjadi sebahagian daripada **batch pertama** JanaKerja Malaysia yang disalurkan ke pusat latihan **Blitz Training & Consultancy**. Dari situ, perjalanan beliau dalam industri bermula.

Langkah pertama beliau adalah di **Pengerang, Johor** dalam **sektor Oil & Gas**. Kemudian, beliau meneruskan pengalaman di CIMA Bahau sebelum kini bekerja sebagai **Scaffolder di Refinery Petron, Port Dickson**.

Menariknya, selepas ini Shahrul bakal melangkah ke **sektor construction di Cyberjaya** — membuka lagi peluang dan pengalaman baru dalam industri berbeza.

Kini, Shahrul juga sedang meningkatkan tahap kemahirannya dengan mengambil **Scaffolder Level 2** di Blitz Training, yang **ditaja sepenuhnya oleh majikan** tanpa perlu mengeluarkan sebarang kos sendiri.

Matlamat beliau jelas — ingin **membanggakan keluarga** di Kelantan dan membina masa depan yang lebih stabil melalui laluan kerjaya yang dipilih.